

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]**
- TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**
- SOALAN : Dato' Wira Othman bin Abdul minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**
- (a) Adakah Kementerian menyedari bahawa kajian yang dibuat menunjukkan pendapatan purata petani MADA hanya RM800 sebulan; dan
 - (b) Apakah langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan pendapatan 45,000 isi rumah dalam kawasan MADA supaya mereka boleh dikategorikan dalam kelompok berpendapatan sederhana dan tinggi

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Purata pendapatan petani MADA iaitu pada kadar RM800 sebulan adalah pada sekitar tahun 1990. Menerusi pelbagai program peningkatan pendapatan, purata pendapatan petani didapati telah meningkat dari tahun ke tahun. Kajian Pendapatan Peladang MADA sentiasa dilaksanakan oleh pihak MADA secara tahunan untuk mengenalpasti tahap pendapatan petani di Kawasan Muda. Hasil kajian tersebut, wujud peningkatan terhadap purata pendapatan peladang di Kawasan

Muda. Berikut merupakan data pendapatan purata petani MADA bagi tempoh 1972 hingga 2014:-

TAHUN	PENDAPATAN BERSIH TAHUNAN SEISI KELUARGA (RM)			PENDAPATAN BULANAN (RM)
	DARIPADA PERTANIAN	BUKAN PERTANIAN	JUMLAH	
1972	1,833	262	2,095	174.58
1982	3,162	405	3,567	297.25
1992	7,121	2,099	9,220	768.33
2000	14,679	1,965	16,644	1,387.00
2005	14,238	1,966	16,204	1,350.33
2013	22,231	1,855	24,086	2,007.17
2014	25,457	1,710	27,167	2,263.92

Sumber : Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
(Buletin Perangkaan 2014 MADA)

(b) Pihak Kementerian menerusi MADA sentiasa berusaha melaksanakan program-program peningkatan pendapatan isi rumah dalam Kawasan Muda. Berikut merupakan empat (4) program utama ke arah usaha ini iaitu :

1. **Program Peningkatan Sektor Padi**

Di bawah program ini, pelbagai usaha telah dijalankan secara berterusan oleh pihak kerajaan melalui pemberian subsidi dan insentif seperti Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

Bagi merancang lagi program ini, pihak MADA telah dipertanggungjawab dalam melaksanakan Projek NKEA EPP 10. Fokus utama pelaksanaan projek ini adalah berteraskan peningkatan pendapatan peserta. Berdasarkan data yang diperoleh, para peserta dapat menikmati peningkatan

pendapatan sekurang-kurangnya 5% setiap tahun berbanding sebelum menyertai projek ini.

2. **Program Pembangunan Sektor Bukan Padi**

Pihak MADA turut melaksanakan program pembangunan bukan padi untuk mempelbagaikan sumber pendapatan seperti sektor asas tani seperti program tanaman mempelam, akuakultur, ternakan dan industri asas tani terus diperkukuhkan dari masa ke semasa. Selain itu, usaha diteruskan menerusi program usahawan, aktiviti promosi dan pemasaran produk-produk usahawan bimbingan MADA disamping skop dan silibus latihan dan khidmat teknikal dalam bidang keusahawanan terus diperkemaskan supaya relevan dengan keperluan semasa.

3. **Program Memperkasakan Peranan Institusi Peladang**

Peranan PPK terus diperkasakan menerusi penglibatan dalam keseluruhan rantai nilai sektor padi disamping usaha untuk terus meningkatkan keahlian PPK di kalangan petani MADA. Langkah ini mampu meningkatkan nilai isipadu perniagaan PPK dan seterusnya mampu menjana pulangan dividen yang tinggi kepada ahli. Pada tahun 2014, seramai 49,358 telah berdaftar sebagai ahli PPK MADA.

4. **Program Pembangunan Modal Insan**

Program ini disediakan kepada generasi pelapis di kalangan belia yang terdiri daripada anak-anak peladang untuk menceburi bidang pertanian moden dan keusahawanan. Penubuhan MADA *Rice Training Center* (MRTC) adalah usaha aktif MADA dalam menyediakan keperluan tenaga muda terlatih sebagai pelapis dalam bidang pertanian moden. Sehingga kini, seramai 119 pelajar telah mendaftar di pusat tersebut sejak dibuka pada Januari 2013.